

19 NOV 1999

Calon-Kelantan

KU LI, ANNUAR DAN MUSTAPA PERTAHAN KERUSI PARLIMEN

KOTA BAHARU, 19 Nov (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mengadakan perjumpaan dengan bakal-bakal calon Barisan Nasional (BN) di Kelantan di sini petang ini tetapi masih merahsiakan senarai mereka yang akan bertanding di peringkat dewan undangan negeri.

Menurutnya, beliau tidak dapat mengumumkan senarai 43 nama berkenaan kerana ada dua orang yang dipilih tetapi menolak daripada dicalonkan atas sebab-sebab kesihatan dan peribadi.

Oleh itu dua nama baru terpaksa dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN untuk kelulusan.

Tengku Razaleigh yakin calon-calon itu merupakan kombinasi terbaik untuk memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya umum 29 Nov.

"Saya berasa yakin kerana Umno di Kelantan bersatu dan siap sedia untuk menentang Pas," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan itu di ibu pejabat Umno negeri sebagai persiapan bagi penamaan calon esok.

Antara yang hadir ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Kewangan kedua Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali.

Terdahulu, ketika ditemui tengah hari tadi Tengku Razaleigh berkata beliau hanya dapat mengesahkan bahawa Annuar dan Mustapa akan bertanding untuk mempertahankan kerusi Parlimen masing-masing di Peringat dan Jeli manakala beliau pula akan mempertahankan kerusi Parlimen Gua Musang.

Menurutnya Umno dan BN Kelantan tidak menghadapi sebarang masalah apabila belum lagi mengumumkan senarai nama calonnya kecuali "soal teknikal" yang kecil.

"Semua telah beres. Kita tidak dapat umum kerana bukan semua (calon) telah mengisi kertas penamaan calon. Jadi sehingga mereka datang dan isi dengan lengkap semua dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pegawai Pilihan raya, kita rasa elok kita tidak umumkan.

"Tidak ada masalah apa, kerana penerimaan calon yang diputuskan oleh pucuk pimpinan adalah total, tak ada bantahan. Kita sokong apa yang diputus oleh pucuk pimpinan," katanya.

Sementara itu menurut sumber, Ibrahim pula akan bertanding di kawasan Parlimen Pasir Mas dalam usaha menebus kekalahannya pada pilihan raya umum lepas.

Dua muka lama lagi yang dikekalkan untuk mempertahankan kerusi parlimen masing-masing ialah Hajah Ilani Isahak di Kota Baharu dan Datuk Shukri Mohamed di Machang, kata sumber itu.

Empat muka baru yang diperkenalkan ialah pensyarah Universiti Malaya, Prof Madya Haji Mohamed Noor Idris bagi kerusi Parlimen Pengkalan Chepa, seorang usahawan, Wan Fuad Wan Abdullah di Rantau Panjang, Dr Azaki Ishak di Bachok dan Haji Nor Zahidi Omar di Tumpat.

Bekas Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Dr Nik Hussein Abdul Rahman dijangka dicalonkan di kawasan Parlimen Kuala Krai manakala anggota dewan undangan negeri kawasan Semerak, Kamaruddin Mohamed Noor, dijangka bertanding bagi kerusi Parlimen Pasir Putih.

Dua lagi calon Parlimen ialah Ketua Wanita Umno Kelantan Hajah Zaleha Hussein yang diletakkan di Kubang Kerian dan Datuk Hashim Safin di Tanah Merah.

-- BERNAMA

TM NMO

